

MAHATHIR

1979

KUALA LUMPUR, 15 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN SEKTOR SWASTA PERLU MELATIH SEBAHAGIAN DARI KEPERLUAN TENAGA MANUSIA YANG DIPERLUKAN DAN MENGGUNAKAN DENGAN LEBIH LUAS KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK TUJUAN ITU.

DI SAMPING ITU, KATANYA, KHIDMAT PEMASARAN TENAGA KERJA YANG DIWUJUDKAN UNTUK KEMUDAHAN PIHAK MAJIKAN HENDAKLAH JUGA DIGUNAKAN DENGAN LEBIH LUAS.

BERUCAP DI UPACARA PELANCARAN LEMAGA KEMAJUAN TENAGA MANUSIA, (LKTM) BELIAU PERKATA SEKIRANYA KERJASAMA SUKARELA SEPERTI ITU TIDAK DIPUPUK DARI SEKARANG KERAJAAN MUNGKIN TERPAKSA MEMIKIRKAN LANGKAH-LANGKAH YANG LEBIH KETAT BAGI MEMASTIKAN MASALAH TENAGA KERJA TIDAK MENJADI RINTANGAN TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERKATA BELIAU KERAP MENDENGAR MAJIKAN MENGELUH DAN MEMANDANG BERAT TENTANG MASALAH KEKURANGAN TENAGA MANUSIA TERLATIH DI PASARAN BURUH.

PADA HEMAT BELIAU PERKARA INI MUNGKIN BERLAKU KERANA PENCARI-PENCARI KERJA YANG TERLATIH TERLALU MEMILIH PEKERJAAN ATAUPUN MEREKA MENUNTUT TANGGAGAJI YANG TIDAK MENASABAH.

BELIAU KURANG FAHAM KENAPA MASIH RAMAI PENCARI-PENCARI KERJA YANG BERDAFTAR DI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN TIDAK MENDAPAT APA-APA TAWARAN PEKERJAAN YANG SESUAI DARIPADA MAJIKAN-MAJIKAN TEMPATAN YANG KONONNYA MENGHADAPI MASALAH MENDAPATKAN TENAGA MANUSIA YANG DIPERLUKAN ITU. -- BERSAMBUNG 1717/AI

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA +SIKAP YANG TERLALU MATERIALISTIK DAN MAHUKAN SEMUANYA DISESUAIKAN DENGAN DIRI SENDIRI DAN BUKAN DIRI SENDIRI DISESUAIKAN DENGAN KERJA DAN KEADAAN YANG SEDIA ADA HARUHLAH DIHAPUSKAN DALAM MASA LATIHAN+.

BELIAU MENGESYURKAN SUPAYA DALAM KURSUS LATIHAN HENDAKLAH DI-TEKANKAN SOAL SIKAP TERHADAP KERJA.

KATANYA, KERAJAAN SEDAR PAHAWA JUMLAH TENAGA MANUSIA YANG DAPAT DILATIH ADALAH JAUH LEIH RENDAH DARIPADA TENAGA MANUSIA YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA UNTUK PEMBANGUNANNYA.

MENURUTNYA, KEMUDAHAN LATIHAN YANG TERDAPAT DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA HANYA DAPAT MENGELUARKAN TENAGA MANUSIA TERLATIH ANTARA 25,000 HINGGA 30,000 ORANG SAHAJA SEDANGKAN KEPERLUAN TENAGA MANUSIA TAMBAHAN TAHUNAN BAGI TAHUN-TAHUN 1981 HINGGA 1990 ADALAH DALAM LINGKUNGAN KIRA-KIRA 72,000 ORANG.

+KEADAAN INI SUNGGUH MEMBEIMEANGKAN SEKIRANYA KITA MAHU SEMUA AKTIVITI PEMBANGUNAN EKONOMI KITA PERJALAN MENGIKUT TEMPO YANG KITA RANCANGKAN+ KATANYA. --BERSAMBUNG 1723/AH

57

KATANYA, TIDAK BEBERAPA HARI LAGI TAHUN 1980 AKAN MENJELANG DAN TAHUN ITU MERUPAKAN BERAKHIRNYA PERINGKAT 10 TAHUN PERTAMA PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU.

+TETAPI JIKA KITA ANALISA PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA JELASLAH BAHAWA +SHORTFALL+ YANG DIALAMI MISALNYA, DALAM TAHUN 1977, ADALAH SEPAHAGIANNYA DISEBABKAN KEKURANGAN TENAGA PEKERJA TERLATIH UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN BAGI TAHUN TERSEBUT.+

TAMBAHNYA, UNTUK MENGELAKKAN PERISTIWA ITU BERULANG LAGI DALAM TEMPUH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, AKTIVITI PERANCANGAN DAN KEMAJUAN TENAGA MANUSIA YANG SISTEMATIK, PERKESAN DAN INTEGRATED PERLU DISUSUN DARI SEKARANG.

+PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMANDU DALAM BIDANG PERANCANGAN TENAGA MANUSIA DAN PENUBUHAN LEMBAGA KEMAJUAN TENAGA MANUSIA DI JABATAN PERDANA MENTERI ADALAH PADA PENDAPAT SAYA, KENA PADA MASANYA.+

+KEDUA-KEDUA BADAN INI MEMPUNYAI FUNGSI +PENYELARASAN+ DAN MAMPU (YUNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN TENAGA MANUSIA) TELAH DIJADIKAN URUSETIA KEPADA KEDUA-DUA BADAN INI.+

PENUBUHAN KEDUA-DUA BADAN ITU, TAMBAHNYA, ADALAH SATU DARIPADA LANGKAH POSITIF YANG DIAMBILKAN OLEH KERAJAAN DISAMPING LANGKAH-LANGKAH LAIN YANG SEWAJARNYA BAGI MENAMBAH DAN MEMPERBESARKAN KEMUDAHAN LATIHAN YANG SEDIA ADA UNTUK MERAPATKAN JURANG PERBEZAAN DI ANTARA PENAWARAN DAN PERMINTAAN TENAGA MANUSIA TERLATIH DI NEGARA INI.

+ADALAH DIANGGARKAN PADA Hujung RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT KERAJAAN AKAN MEMPUNYAI SEBANYAK 10 BUAH INSTITUT-INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN 19 INSTITUT KEMAHIRAN MARA, 48 BUAH SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL, TUJUH BUAH POLITEKNIK, EMPAT BUAH PUSAT LATIHAN BELIA DAN ENAM BUAH INSTITUT PERTANIAN.+

KESEMUA INSTITUT ITU DIANGGAR BOLEH MENGELUARKAN ANTARA 20,000 HINGGA 30,000 TENAGA PEKERJA TERLATIH SETAHUN.

—BERSAMBUNG 1731/AH

MAHATHIR - 5 KUALA LUMPUR

BAGAIMANA PUN, KATANYA, KEUPAYAAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN MENYERAP TENAGA MANUSIA TERLATIH YANG DIHASILKAN DARI INSTITUSI LATIHAN AWAM ADALAH TERHAD.

MALAH SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA TENGA MANUSIA TERLATIH HENDAKLAH DISERAP OLEH PIHAK SWASTA.

OLEH ITU, KATANYA, BELIAU INGIN MELIHAT LEBIH RAMAI MAJIKAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN SEPERTI MENGANJURKAN LEBIH RAMAI LAGI PEKERJA MEREKA MENGIKUTI LATIHAN DIBAWAH SEKIM APPRENTICESHIP NEGARA.

MENYENTUH TENTANG TUGAS PENYELARASAN LKTM YANG MELIPUTI TUGAS MELAHIRKAN TENAGA MAHIR IKHTISAS DAN SEPARUH IKHTISAS OLEH UNI-VERSITI-UNIVERSITI, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA LANGKAH ITU BUKANLAH BERTUJUAN MENYEKAT KEBEBASAN INSTITUSI-INSTITUSI TERSEBUT DALAM MERANCANG KEGIATAN AKADEMI MASING-MASING.

SEBALIKNYA, IA BERTUJUAN MEMPASTIKAN SUPAYA KEBEBASAN ITU DIGUNAKAN BERLANDASKAN BATASAN-BATASAN TERTENTU.
—BERSAMBUNG 1735/AH

B582

MAHATHIR - 6 KUALA LUMPUR

TEGASNYA, PENYELARASAN ITU AMATLAH PERLU SEKIRANYA PENGELUARAN LULUSAN YANG BERLEBIHAN DALAM SESUATU BIDANG YANG KELAK MENIMBULKAN GEJALA YANG DISEBUT +WHITE COLLAR UNEMPLOYMENT+ DAN MELAHIRKAN KUMPULAN PENGANGGUR TERPELAJAR.

+HAL SEPERTI ITU BUKAN SAHAJA MERUGIKAN DARI SEGI PENGGUNAAN SUMBER NEGARA, MALAH JUGA BOLEH MEMPAHAYAKAN KESELAMATAN NEGARA, + TAMBAHNYA.

SEMENTARA ITU, MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK RICHARD HO, SELAKU PENGURUS LKTM, BERKATA SOKONGAN DAN KELULUSAN LEMBAGA ITU ADALAH DIKEHENDAKI SEBELUM MANA-MANA PIHAK MEMULAKAN SESUATU PROGRAM LATIHAN BARU ATAU PUN CUBA MEMBUAT PERUBAHAN YANG BESAR KEPADA PROGRAM YANG SEDIA ADA DAN SETERUSNYA.

DALAM UCAPANNYA, BELIAU MENAMBAH LEMBAGA TERSEBUT DISERTAI OLEH PIHAK MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA MEMANDANGKAN BAHAWA KERJASAMA ERAT DIPERLUKAN DIANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA DALAM BIDANG KEMAJUAN TENAGA MANUSIA UNTUK MENJAMIN PENGELUARAN TENAGA MANUSIA TERLATIH MEMENUHI KEPERLUAN NEGARA.

—BERNAMA 1740/AH